



EkuiNAS labur RM37 juta dalam pemaju jentera industri minyak sawit



Oleh NUR NAZLINA NADZARI 16 Mei 2024, 11:44 am

PETALING JAYA: Ekuiti Nasional Berhad (EkuiNAS) melabur sebanyak RM37 juta dalam Mizou Holdings Sdn Bhd (Mizou), sebuah syarikat bumiputera yang berfokus kepada pembangunan jentera perindustrian bagi industri minyak sawit.

Ini menandakan pelaburan kedua bagi EkuiNAS di bawah Dana Asas yang berjumlah RM100 juta, yang memberi tumpuan kepada syarikat-syarikat peringkat pertengahan dengan pertumbuhan tinggi.

Ketua Pegawai Eksekutif EkuiNAS, Datuk Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir berkata, melalui pelaburan tersebut, EkuiNAS berpeluang membangunkan sektor perladangan bersama Mizou.

Katanya, syarikat tersebut menawarkan penyelesaian inovatif khususnya bagi industri minyak sawit hulu dengan peluang untuk berkembang dan menyokong bidang pertanian lain.

“Kami amat menghargai visi, keupayaan dan kesungguhan para pengasas syarikat untuk meningkatkan produktiviti rantai nilai ladang kelapa sawit hulu dan kami bangga dapat turut serta di dalam usaha ini bersama Mizou.


“Permintaan pasaran semakin kukuh untuk penjenteraan dalam industri tempatan dan serantau memandangkan keupayaan dan impak jentera-jentera dalam meningkatkan produktiviti serta mengurangkan kos pengeluaran.

“Kejayaan Mizou mengkomersialkan traktor-tractor ciptaan mereka dan sokongan daripada syarikat-syarikat peneraju dalam industri perladangan kelapa sawit mencerminkan kemampuan produk dan juga perniagaan Mizou dan ini mengunjurkan prospek masa depan yang cerah bagi Mizou,” katanya dalam kenyataan.

Sementara itu, Pengarah Urusan Mizou, Shamshuri Abdul Majid berkata, pelaburan ini akan membolehkan syarikat mengukuhkan kedudukan sebagai peserta yang mengkhusus dalam tawaran jentera perladangan kelapa sawit yang sesuai untuk semua permukaan tanah atau ladang kelapa sawit.

“Keperluan sektor minyak sawit sentiasa berubah, kami mengambil peluang dalam peralihan atau trend ke arah penjenteraan dan peralatan mekanikal yang diperlukan oleh peserta perladangan tempatan dan asing,” ujarnya. – UTUSAN

Tidak mahu terlepas? Ikuti kami di



Tags: ekuinas

BERITA BERKAITAN



Peluang terbaik tamat dominasi Thailand

17 Mei 2024, 6:18 am



Varian baru Covid-19 tidak cetus gelombang jangkitan di China

16 Mei 2024, 10:34 pm



AS bimbang China salah guna AI

16 Mei 2024, 9:30 pm




Pemancing dikhuatiri lemas di Tasik Pedu

16 Mei 2024, 9:25 pm



ELECTRICK

**Mula jimat bil elektrik anda sekarang
(temui caranya)**



KETAHUI LA

BERITA SELANJUTNYA

|

|

